

RINGKASAN EKSEKUTIF

Sabtu tahun, Majlis Daerah Kerian menerima banyak aduan berkaitan anjing terbiar yang memberi kebimbangan kepada penduduk di daerah Kerian dari segi keselamatan, kebersihan dan kacau ganggu. Oleh hal yang demikian, inovasi ESMaC telah dihasilkan oleh Kumpulan Meteor 2.0, Jabatan Penguatkuasaan Majlis Daerah Kerian bagi menambah baik proses penangkapan anjing terbiar secara berperikemanusiaan di daerah ini. Dengan kos sebanyak **RM1,537.00** ESMaC dilengkapi gps, kunci automatik dan saiznya boleh dilaras.

ESMaC dapat menjimatkan masa dan tenaga kerja, memudahkan urusan pengendalian, pengangkutan, penyimpanan serta pembersihannya kerana tenaga kerja yang minima sahaja diperlukan untuk mengendalikan ESMaC. Kaedah tangkapan menggunakan ESMaC memenuhi kehendak Akta Kebajikan Haiwan 2015 kerana tidak menyakitkan anjing malahan makanan diberikan sebagai umpan.

Cetusan inovasi ini sejajar dengan konsep Malaysia MADANI yang mewakili enam rukun iaitu Kemampanan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Hormat, Keyakinan dan Ihsan; memenuhi Konsep H.E.M.A.T seperti saranan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam; dan memenuhi SDG yang berteraskan Kesihatan Yang Baik & Kesejahteraan (**Teras 3**), Industri, Inovasi & Infrastruktur (**Teras 9**), Bandar & Masyarakat Mampan (**Teras 11**) serta Kerjasama Demi Matlamat (**Teras 17**).

Sasaran utama inovasi ini adalah untuk meningkatkan operasi tangkapan anjing terbiar sekaligus menyelesaikan aduan awam yang diterima, menjimatkan masa dan penggunaan tenaga kerja yang minima, meningkatkan mutu produktiviti perkhidmatan jabatan, mematuhi garis panduan penangkapan anjing yang telah ditetapkan sekaligus memberikan harapan kepada penduduk untuk mendapat satu suasana kehidupan yang lebih selesa dan selamat.

